

SBM mahu kerajaan negeri fokus bantuan pendengaran di kawasan tumpuan

Sedia kemudahan mesra OKU

Oleh HARITH NIZAR
kota@utusangroup.com.my

■ MELAKA 18 DIS.

PERTUBUHAN Orang Cacat Penglihatan Malaysia (SBM) Cawangan Negeri Melaka berharap supaya negeri ini secara keseluruhannya dapat menyediakan infrastruktur yang mesra mereka menyediakan lebih banyak bantuan pendengaran di kawasan-kawasan tumpuan.

Pengerusi SBM negeri, Hashim Ishak berkata, antara cadangan yang ingin diutarakan kepada kerajaan negeri adalah supaya mereka menyediakan lebih banyak bantuan pendengaran di kawasan-kawasan tumpuan.

“Banyak kawasan tumpuan di negeri ini yang boleh diadakan kemudahan tersebut seperti di muzium pameran, kawasan monorel dan prasarana-prasaraan lain di tandas OKU.

“Selain itu, siar kaki kuning khas untuk mereka yang cacat penglihatan juga perlu diperbaikkan lagi seperti di jambatan Pulau Melaka dan Gajah Berang,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam Majlis Jamuan Akhir Tahun 2017 SBM negeri yang dihadiri kira-kira 60 orang ahli di sini.

Sementara itu, Hashim menasarkan penambahan ahli pada tahun hadapan berikut statistik



HASHIM ISHAK (empat dari kanan) bersama penerima sijil kursus urutan dalam majlis Jamuan Akhir Tahun Pertubuhan Orang-orang Cacat Penglihatan Melaka di Durian Daun, baru-baru ini. –UTUSAN/AZLI AHAD

yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri merekodkan terdapat kira-kira 21,000 OKU berdaftar termasuk 1,600 daripadanya cacat penglihatan.

“Setakat hari ini, SBM hanya mempunyai 160 ahli iaitu 110 orang ahli biasa (cacat penglihatan), manakala 50 lagi adalah sukarelawan yang dapat membantu kami dalam apa jua bantuan yang diperlukan.

“SMB mengalu-alukan orang ramai yang masih belum berda-

tar untuk tidak berasa malu tampil kerana persatuan bersedia membantu dalam apa jua bentuk bantuan terutamanya daripada segi khidmat nasihat,” ujarnya.

Menurutnya, golongan ini memerlukan banyak sokongan bagi menetapkan hala tuju masing-masing untuk meneruskan kehidupan.

“Jangan berasa malu hanya kerana kekurangan ini. Khidmat nasihat akan diberikan pertubuhan ini supaya jati diri serta

berkeyakinan untuk meneruskan kehidupan dalam kalangan masyarakat dapat ditingkatkan,” katanya.

Tambah Hashim, SBM Melaka juga banyak mengadakan program-program khasnya untuk golongan OKU supaya mereka tidak berasa terpinggir walau-pun tidak sempurna seperti orang lain.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai SBM boleh menghubungi talian 06-2815893.